

# PENILAIAN PROGRAM SARJANA MUDA PENDIDIKAN: MODEL CIPP SEBAGAI ASAS

## *EVALUATION OF BACHELOR OF EDUCATION PROGRAM: CIPP MODEL AS A BASIC*

**Surendran Sankaran<sup>1</sup>**

School of Education and Modern Languages,  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia  
(Email: [surendran@uum.edu.my](mailto:surendran@uum.edu.my))

**Norazlinda Saad<sup>2</sup>**

School of Education and Modern Languages,  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia  
(E-mail: [azlinda@uum.edu.my](mailto:azlinda@uum.edu.my))

**Accepted date:** 27-01-2019

**Published date:** 08-07-2019

**To cite this document:** Surendran, S., & Norazlinda, S. (2019). Penilaian Program Sarjana Muda Pendidikan: Model CIPP Sebagai Asas. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8), 132-140.

**DOI:** 10.35631/IJMTSS.280013

---

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program terhadap Keberkesanan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Populasi kajian adalah 520 orang pelajar ISMP di Universiti Utara Malaysia. Pemilihan responden kajian ini dibuat dengan menggunakan persampelan berstrata tidak berkadar berdasarkan program pengajian dan persampelan rawak mudah. Data kajian telah dikumpul daripada sampel seramai 219 orang pelajar ISMP. Soal selidik kajian ini mengandungi 30 item dan mempunyai tahap kebolehpercayaan 0.96. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan Analisis Regresi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa variabel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program ISMP mempunyai pengaruh signifikan dan positif terhadap Keberkesanan Program ISMP. Variabel-varibel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program menjadi peramal yang signifikan kepada Keberkesanan Program ISMP. Ini menjelaskan bahawa kedua-dua variabel tersebut perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan program ISMP supaya dapat mewujudkan program yang berkesan.

**Kata Kunci:** Penilaian Program, Sarjana Muda, Pendidikan, Model CIPP

**Abstract:** The purpose of this study is to identify the influence of Lecturers and Facilities, and Relevance and Appropriateness of the Program towards the Effectiveness of the Bachelor of Education (ISMP) Program. This study uses survey method. The population of the study was 520 ISMP students at Universiti Utara Malaysia. The selection of respondents made by using non-proportionate stratified sampling based on programmes and simple random sampling.

*Data was collected from a sample of 219 students of ISMP. The questionnaire contains 30 items with high Cronbach Alpha value of 0.96. Quantitative data were analyzed by using descriptive statistics and Regression Analysis. The study also shows that the variables lecturers and Facilities, and the relevance and appropriateness of the ISMP Program have the significant and positive influence of student Perception on the ISMP Program. Relevance and appropriateness of the ISMP Program variable becomes a significant predictor with the highest coefficient value. Lecturers and Facilities, and Relevance and Appropriateness of the Program became a significant predictor of the Effectiveness of the ISMP Program. This explains that both variables need to be emphasized in the implementation of the ISMP program in order to create an effective program.*

**Keywords:** Program Evaluation, Bachelor's Degree, Education, CIPP Model

---

## Pengenalan

Penilaian merupakan komponen penting untuk memastikan pencapaian objektif pendidikan sesebuah institusi pengajian. Penilaian adalah satu aspek yang sangat diperlukan dalam pelaksanaan sesuatu program kerana ia dapat memberikan pelbagai maklum balas yang tepat dan berkesan terhadap sesuatu program yang dinilai (Shamsa Aziz, Munazza Mahmood & Zahra Rehman, 2018). Mohamad Fadzil dan Abdul Jaleel (2013) berpendapat sistem pendidikan yang berkesan merupakan elemen yang penting bagi sesebuah negara yang merancang ke arah pencapaian status negara maju. Justeru, bagi memastikan rakyat negara ini bersedia untuk menghadapi cabaran persaingan global kurikulum pendidikan masa kini perlu disemak dan ditambahbaik secara berterusan pada semua peringkat pendidikan. Dengan itu, komponen penilaian dianggap dapat memberikan input serta data berkaitan dengan kejayaan pelaksanaan sesuatu program (Centers for Disease Control and Prevention, 2011; Child Trends, 2007).

## Penyataan Masalah

Masyarakat menuntut akauntabiliti yang tinggi dari institusi pendidikan. Oleh yang demikian, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dikehendaki mengeluarkan graduan yang relevan dan memenuhi keperluan masyarakat dan negara dengan kos yang efektif dan kualiti yang terjamin. Keperluan ini sebaliknya sentiasa berubah-ubah disebabkan pertubuhan mendadak dalam pengetahuan global dan kemajuan dalam sains, teknologi serta pendidikan yang tersebar secara pantas melalui jaringan elektronik. Bagi menghadapi cabaran-cabaran ini, institusi pendidikan sebagai institusi dinamik perlu sentiasa mengkaji, memantau dan mengawasi secara sistematik isu-isu yang berkaitan perancangan dan pelaksanaan program. Jamal Ali, Lim Hock Eam, Russayani Ismail, Fauziah Abdul Rahim, Filzah Md Isa dan Ismi Arif Ismail (2014) menyatakan bahawa kaedah perlaksanaan dan, masa dan tempoh program memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelajar-pelajar berminat untuk menyertai sesuatu program pengajian dan dapat merasai kesan daripada program tersebut. Stufflebeam (2011) menyatakan bahawa pembelajaran akan lebih seronok, berkesan dan lebih bermakna kepada pelajar jika pengajar berwibawa, berpengetahuan dan berketrampilan.

Penilaian merupakan satu proses menentukan sejauh mana sesuatu objektif pendidikan dirasai tercapai dalam suatu kurikulum pendidikan (Tyler, 1949 ; Warju 2016). Penilaian program merupakan satu proses membuat pertimbangan tentang nilai sesuatu program (James, 1993). Program adalah satu aturan kursus yang distrukturkan atau direkabentuk dalam tempoh tertentu untuk mencapai hasil pembelajaran yang jelas dan menjurus kepada penganugerahan sesuatu kelayakan. Manakala kursus adalah unit asas program yang mempunyai objektif

khusus, kandungan dan kaedah pengajaran-pembelajaran serta kaedah penilaian yang menyokong pencapaian objektif.

Tujuan utama penilaian adalah untuk mengkaji pensyarah dan kemudahan, kesesuaian dan kerelevan dan keberkesanan program ISMP di Universiti Utara Malaysia ke arah meningkatkan lagi prestasi dan kecemerlangan latihan keperguruan. Penilaian ini juga bertujuan untuk memastikan program ISMP di UUM diurus dengan cekap dan berkesan selaras dengan keperluan semasa, dan menghasilkan guru permulaan terlatih bagi memenuhi keperluan sekolah.

Kajian ini bertujuan untuk menilai program ISMP untuk memastikan bahawa program yang ditawarkan mempunyai kurikulum yang baik, memenuhi kehendak pelajar dan benar-benar mampu merealisasikan objektifnya. Kajian ini membantu pihak UUM dalam usaha berterusan untuk memperbaiki dan menghasilkan graduan yang pintar, berilmu dan cekap serta untuk meningkatkan kualiti program yang ditawarkan serta untuk meningkatkan lagi prestasi dan kecemerlangan latihan keguruan.

### **Objektif Kajian**

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

Mengenal pasti pengaruh Pensyarah dan Kemudahan, Kerelevan dan Kesesuaian Program terhadap Keberkesanan Program ISMP.

### **Kepentingan Kajian**

- mengemas kini secara berterusan misi dan objektif institusi mengikut perkembangan saintifik, sosio-ekonomi dan budaya masyarakat.
- mengemas kini pengetahuan dan kecekapan para graduan mengikut keperluan sekitaran kerja yang mereka tempuh.
- mengadaptasi reka bentuk kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk menjamin kerelevan dan kesesuaian.
- mengemas kini elemen-elemen kursus selaras dengan perkembangan ilmu dalam bidang berkaitan dan perubahan dalam masyarakat. Pengubahsuaian ini harus menjamin kemasukan pengetahuan, konsep dan kaedah yang baru
- mengkaji semula pendekatan penilaian dan pencapaian pelajar, kaedah dan jumlah peperiksaan mengikut perubahan pada objektif program dan kaedah pengajaran.

### **Tinjauan Literatur**

#### ***Penilaian Program ISMP Menggunakan Model CIPP***

Model Penilaian CIPP (Context, Input, Process & Product) dibangunkan oleh Stufflebeam pada tahun 1971. Model ini menyatakan bahawa tujuan utama penilaian adalah mendapatkan maklumat yang berguna untuk membuat keputusan. Tujuan kedua ialah untuk membolehkan pemahaman tentang strategi program (Warju, 2016). Pendekatan model ini adalah berdasarkan kepada dua andaian utama tentang penilaian. Andaian yang pertama ialah penilaian memainkan peranan yang penting dalam merangsang dan merancang perubahan. Manakala andaian kedua pula ialah penilaian adalah komponen pelengkap kepada program-program institusi yang biasa (James, 1993).

Model CIPP merupakan model penilaian yang bertujuan untuk menilai sesuatu program dengan tujuan untuk menambah baik program tersebut khususnya program-program yang

ditawarkan dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan manusia (Shamsa Aziz, Munazza Mahmood & Zahra Rehman, 2018). Stufflebeam (2000; 2008) mengakui bahawa CIPP merupakan model penilaian yang dapat menjadi alat (tools) bagi membantu menjadikan sesuatu program lebih baik untuk manfaat manusia yang dimaksudkan. Menurut Stufflebeam (1967), “pendekatan CIPP adalah berdasarkan pandangan, tujuan utama penilaian adalah bukan untuk membuktikan tetapi untuk memperbaiki”. Berdasarkan kepada petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa tujuan utama CIPP bukanlah untuk membuktikan tetapi untuk memperbaiki.

### ***Penambahbaikan Kualiti yang Berterusan***

Proses penambahbaikan dan pemantapan program ISMP dilaksanakan dengan menjadikan Model Penambahbaikan Kualiti yang berterusan oleh Kaizen (1986) sebagai asas. Model ini menjelaskan bahawa proses penambahbaikan program ISMP perlu dilaksanakan secara berperingkat bermula dari tentukan matlamat penambahbaikan sehingga mengambil tindakan pembetulan. Model ini juga menegaskan proses penilaian dan penambahbaikan program perlu mengutamakan aspek kualiti. Ini kerana kualiti memenuhi kehendak pelanggan atau melebihi daripada yang diharapkan oleh pelanggan dan ia berhubungkait dengan produk, perkhidmatan, manusia, proses, dan persekitaran.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah tinjauan digunakan untuk mengumpul data kajian. Populasi kajian ini adalah 520 orang pelajar ISMP di Universiti Utara Malaysia. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang sesuai untuk populasi pelajar ISMP seramai 520 orang ialah 226 orang. Persampelan berstrata tidak berkadar berdasarkan program pengajian dan persampelan rawak mudah telah digunakan untuk memilih sampel kajian. Walau bagaimanapun, kadar pemulangan data menunjukkan hanya 219 responden yang memulangkan soal selidik dan dapat digunakan untuk tujuan analisis.

**Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

<b>Dimensi Utama</b>	<b>Bil. Item</b>	<b><math>\alpha</math></b>
Pensyarah dan Kemudahan	10	.91
Kerelevan dan Kesesuaian Program	10	.92
Keberkesanan Program ISMP	10	.93
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>.94</b>

Jawapan yang dikumpul dari pelajar ISMP melalui borang soal selidik disemak oleh penyelidik dan dianalisis dengan menggunakan “Statistical Package for Social Science” (SPSS) versi 15.0. Analisis regresi dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program terhadap Keberkesanan Program ISMP.

## Dapatan Dan Perbincangan Kajian

### *Latar Belakang Responden*

**Jadual 2: Latar Belakang Responden Kajian**

Variabel	Frekuensi	%
<b>Jantina</b>		
Lelaki	42	19.2
Perempuan	177	80.2
<b>Program</b>		
BEd (BA)	62	28.3
BEd (ACCT)	25	11.4
BEd (IT)	51	23.3
BEd (Pendidikan Moral)	36	16.4
BEd (Bimbingan & Kaunseling)	45	20.5

Jadual 2 menunjukkan bahawa bilangan responden pelajar perempuan adalah lebih ramai (80.2%) berbanding responden pelajar lelaki (19.2%). Dari segi program pula, dapatkan menunjukkan pelajar dari program BEd (BA) merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini. Manakala kumpulan pelajar dari program BEd (ACCT) merupakan kumpulan yang mempunyai peratusan yang paling rendah iaitu 11.4% atau 25 orang guru.

### *Pengaruh Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program terhadap Keberkesanan Program ISMP*

**Jadual 3: Pengaruh Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program terhadap Keberkesanan Program ISMP**

	Variabel Bersandar Keberkesanan Program ISMP				
	Beta Tak Terpiawai	Std. Error	Beta Terpiawai	Nilai t	Sig.
<b>Variabel Bebas</b>					
Pensyarah dan Kemudahan	0.255	0.048	0.290	4.18	.000
Kerelevan dan Kesesuaian Program	0.303	0.052	0.561	7.78	.000
Nilai F	107.84				.000
R <sup>2</sup>	0.781				
R <sup>2</sup> Terlaras	0.656				
Sig. pada p<.05					

Keputusan analisis regresi berganda (Jadual 3) menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara variabel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program dengan Keberkesanan Program ISMP. Nilai R<sup>2</sup> = 0.78 menunjukkan bahawa kedua-dua variabel tersebut telah menjelaskan 78 peratus varians dalam Keberkesanan Program ISMP. Ujian Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) daripada regresi menunjukkan bahawa nilai F ialah 107.84 dan signifikan pada p<0.05. Ini menunjukkan bahawa model regresi yang ditunjukkan adalah signifikan dan boleh diterima pakai untuk menerangkan “variability”

Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program terhadap Keberkesanan Program ISMP.

Faktor Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program dikendalikan secara kolektif dalam regresi berganda dan dapat analisis menunjukkan variabel bebas tersebut adalah peramal yang signifikan kepada Keberkesanan Program ISMP. Model regresi berganda Keberkesanan Program ISMP adalah 0.56 (Kerelevan dan Kesesuaian Program) dan 0.29 (Pensyarah dan Kemudahan). Gall, Gall dan Borg (2003) menyatakan sumbangan ini boleh diterima pakai sebagai peramal dan sesuatu model yang menunjukkan nilai lebih daripada lima peratus varians adalah model yang baik memandangkan dalam pendidikan terdapat banyak faktor yang mempengaruhi guru adalah di luar kawalan kajian ini.

Variabel Kerelevan dan Kesesuaian Program mempunyai pengaruh yang signifikan dengan nilai koefisien piawai yang tertinggi ( $\beta= 0.56$ ) berbanding dengan Pensyarah dan Kemudahan. Ini menunjukkan bahawa variabel Kerelevan dan Kesesuaian Program mempunyai pengaruh yang paling kuat untuk mempengaruhi Keberkesanan Program ISMP. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan kajian Harun (2014) yang mendapati faktor kerelevan dan kesesuaian program menjadi faktor utama dalam pemilihan sesuatu program. Ini kerana dapatkan kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar-pelajar cenderung untuk memilih kursus-kursus dan program pengajian akadernik yang ditawarkan berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa dan menjamin peluang kerja.

Selain itu, Pensyarah dan Kemudahan merupakan penyumbang varians yang kedua tertinggi ( $\beta= 0.29$ ) dan peramal yang signifikan yang mempengaruhi Keberkesanan Program ISMP. Dapatkan kajian ini adalah sama dengan kajian Zainuddin Abu Bakar dan Nor Hisham Muhamad Nor. (2011) dan Mohd Yusri Ibrahim, dan Aziz Amin. (2014) yang mendapati faktor pengajar dan kemudahan perlu diberi perhatian dalam penawaran sesuatu program. Mereka menyatakan bahawa aspek utama yang perlu ditekankan adalah memantapkan kualiti pensyarah, mempertingkatkan kemudahan teknologi pendidikan dan ICT, memperbaiki prasarana makmal dan perpustakaan dan memastikan kurikulum pengajian yang ditawarkan selaras dengan keperluan sekolah.

Dapatkan ini menjelaskan bahawa keberkesanan program ISMP di universiti bergantung kepada faktor Kerelevan dan Kesesuaian Program dan Pensyarah dan Kemudahan. Kedua-dua faktor tersebut adalah saling berkait dan perlu diberi perhatian untuk memastikan program ISMP mempunyai kualiti dan dapat meningkatkan keberkesanan program ISMP.

### **Implikasi Dapatkan Kajian**

Berdasarkan perbincangan dan huraian, kajian ini mempunyai beberapa implikasi kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP).

- Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa keberkesanan dalam pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan bergantung kepada variabel-variabel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program. Justeru, hasil kajian mendapati variabel-variabel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap Keberkesanan Program ISMP. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan perlu menitikberatkan variabel-variabel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program kerana peningkatan dalam variabel-variabel tersebut turut mempengaruhi Keberkesanan Program ISMP.

- Pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan universiti perlu memberikan perhatian yang sepenuhnya dalam memastikan kualiti Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program ISMP serta keberkesanan pelaksanaan program ISMP. Pihak kementerian dan universiti juga mewujudkan struktur organisasi dan prinsip pengurusan untuk menangani perubahan keadaan dan keperluan institusi pendidikan dalam jangka masa panjang. Ia akan membantu pihak kementerian dan universiti dalam usaha berterusan untuk memperbaiki dan menghasilkan graduan yang pintar, berilmu dan cekap serta untuk meningkatkan kualiti program yang ditawarkan.

### **Kesimpulan**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa variabel-variabel Pensyarah dan Kemudahan, dan Kerelevan dan Kesesuaian Program menjadi peramal yang signifikan kepada Keberkesanan Program ISMP. Kedua-dua variabel ini mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap variabel bersandar kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan program ISMP yang ditawarkan ini adalah relevan dan sesuai dengan keperluan pelajar, di samping mempunyai pensyarah yang pakar dan prasarana yang disediakan adalah baik.

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa penawaran program ISMP dengan Kepujian ini adalah memenuhi keperluan organisasi kerajaan dan swasta. Penawaran program ISMP adalah selaras dengan hasrat KPM yang sentiasa memerlukan guru yang terlatih dalam bidang Pendidikan. Keperluan KPM adalah untuk mendapatkan guru terlatih bagi mengendalikan bukan sahaja masalah salah laku pelajar tetapi untuk memberi bimbingan dan penasihat pembelajaran, kerjaya dan pembangunan pelajar. Untuk menjayakan hasrat murni ini, pendidik yang berpengetahuan dan mahir amat diperlukan dan program ISMP dengan Kepujian ini dapat menjadi wadah melatih pendidik tersebut.

### **Penghargaan**

Merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan geran RAGS serta pihak Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden kerana memberi sokongan dan kerjasama dalam menjalankan penyelidikan ini.

### **Rujukan**

- Ahamad Shabudin Yahaya. (2010). Penilaian program kitar semula sisa pepejal di sekolah menengah dalam tiga kawasan pihak berkuasa tempatan di negeri Selangor. *Tesis PhD*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ahamad Rahim, & Sidek Said (2009). *Pelaksanaan kurikulum sejarah menengah rendah di Malaysia- Suatu penilaian*. Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan.
- Centers for Disease Control and Prevention. (2011). *Introduction to program evaluation for public health programs: A self-study guide*. Atlanta, GA.
- Child Trends. (2007). Why conduct a program evaluation? *Research to Results*, 31.
- Farida, Y. T. (2000) *Evaluasi program*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Felix, J. L. (1979). Research and evaluation to improve instruction: The Cincinnati strategy. *Educational Evaluation & Policy Analysis*, 1(2), 57–62.
- Fitzpatrick, J.L, Sanders, J. R., & Worthen, B.R. (2004). *Program evaluation: Alternative approaches and practical guidelines (3rd edition)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education Inc.
- Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2003). *Educational research: An introduction (7th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.

- Ghazali Darusalam. (2011). *Kualiti pelaksanaan program diploma pendidikan lepasan ijazah (DPLI) di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Unspecified.
- Hair, F. J. (2006). *Multivariate data analysis*, (6th Ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Hamid Hasan (2009). *Evaluasi kurikulum*, cetakan kedua. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Harun Mohamad Haniff. (2014). *Laporan kajian penilaian program ipta: kluster teknikal*. Diakses pada 13 Oktober 2014 dari [http://eprints2.utm.edu.my/12644/1/Laporan\\_Kajian\\_Penilaian\\_ProgramProgram\\_IPTA\\_%28Kluster\\_Teknikal%29.pdf](http://eprints2.utm.edu.my/12644/1/Laporan_Kajian_Penilaian_ProgramProgram_IPTA_%28Kluster_Teknikal%29.pdf)
- Jamal Ali, Lim Hock Eam, Russayani Ismail, Fauziah Abdul Rahim, Filzah Md Isa, & Ismi Arif Ismail. (2014). The effectiveness of finishing school programmes from the perspectives of graduates and employers. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11, 147-170.
- James, W. (1993). *Educational evaluation*. London: Allyn and Bacon.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lee, C.C., Chen, P.F., & Chang, C.P. (2007). Testing linearity in a cointegrating STR model for the money demand function: International evidence from G-7 countries. *Mathematics and Computers in Simulation*, 76, 293-302.
- Mohamad Fadzil Che Amat, & Abdul Jaleel Abdul Hakeem. (2013). *Menilai keberkesanan pelaksanaan program diploma perguruan lepas ijazah pendidikan Sejarah sekolah rendah di institut pendidikan guru kampus Pulau Pinang*. Kertas Kerja dibentangkan pada seminar pendidikan Sejarah dan Geografi di Universiti Malaysia Sabah pada 29 – 30 Ogos.
- Mohd Yusri Ibrahim, & Aziz Amin. (2014). Model kepemimpinan pengajaran pengetua dan kompetensi pengajaran guru. *JuKu:Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2 (1), 11- 25.
- Mohini Mohamed, & Fatmahanim Mohamad. (2010). Kajian penilaian kurikulum pendidikan matematik dan sains. *Penyelidikan Tidak Diterbitkan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business a skill building approach* (4th Ed.). Chichester: John Wiley.
- Shahrir Abdullah, Norhamidi Muhammad, Riza Atiq Abdullah., Rahmat Baba Md. Deros, Noorhisham Tan Kofli., Mardina Abudllah, Mazlan Mohd. Tahir, & Andanastuti Muchtar. (2009). Penilaian objektif dan hasil program pendidikan berasaskan hasil (OBE): Soal Selidik Majikan Industri dan Alumni, *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1(2): 1-8.
- Shamsa Aziz, Munazza Mahmood, & Zahra Rehman. (2018) Implementation of CIPP Model for Quality Evaluation at School Level: A Case Study. *Journal of Education and Educational Development*, 5(1), 189-206.
- Steinert, Y., Cruess, S., Cruess, R., & Snell, L. (2005). Faculty development for teaching and evaluating professionalism: From programme design to curriculum change. *Medical Education*, 39(2), 127-136.
- Stufflebeam, D. L, (1967). The use and abuse of evaluation in title III. *Theory Into Practice* 6. 126 – 133.
- Stufflebeam, D. L. (1971). The relevance of the CIPP evaluation model for educational accountability. *Journal of Research and Development in Education*, 5(1), 19-25.
- Stufflebeam, D. L. (2000) The methodology of metaevaluation as reflected in metaevaluations by the western Michigan University Evaluation Center. *Journal of Personnel Evaluation in Education*, 14 (1), 95-125.

- Stufflebeam, D., & Shinkfield, A. (2007). *Evaluation, theory, models and applications*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Stufflebeam, D. L. (2008). Egon guba's conceptual journey to constructivist evaluation: A tribute. *SAGE: Qualitative Inquiry*, vol. (14) (8), 1386-1400,
- Stufflebeam, D. (2011). Meta-Evaluation. *Journal of Multi-Disciplinary Evaluation*, 7 (15). Diakses pada 13 Oktober 2014 dari [http://survey.ate.wmich.edu/jmde/index.php/jmde\\_1/article/view/300/295](http://survey.ate.wmich.edu/jmde/index.php/jmde_1/article/view/300/295)
- Tyler, R .W (1949) . *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago : University of Chicago.
- Wan Hamidon, W. B. (2005): *The linkage between course outcomes to programme outcomes*. Pembentangan di Bengkel Reka bentuk Kurikulum, anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Jurutera Malaysia, Jemaah Dekan-Dekan Kejuruteraan dan Fakulti Kejuruteraan UKM. UKM: Bangi.
- Warju, W. (2016). Educational Program Evaluation using CIPP Model. *Innovation of Vocational Technology Education (Invotec)*, 12(1), 36-42.
- Warr, P., Bird, M. & Rackham, N. (1970). *Evaluation of management training*. London: Gower Press.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: an introduction (7th Ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Worthen, B.R., & Sanders, J.R. (1987). *Educational evaluation*. New York: Longman.
- Zainuddin Abu Bakar, & Nor Hisham Muhamad Nor. (2011). Pendekatan pengajaran guru dan kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah kebangsaan Senai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 3, 67-78.
- Zhang, G., Griffith, R., Metcalf, D., Zeller, N., Misulis, K., Shea, D., & Williams, J. (2009). *Assessing service and learning of a service-learning pro-gram in Teacher education using mixed-methods research*. Paper presented at the American Education Research Association Annual Conference, San Diego, CA.
- Zhang, G., Zeller, N., Shea, C., Griffith, R., Metcalf, D., Misulis, K., Williams, J., & Knight, S. (2008). *A 360° assessment of the multidimensional effects of a service-learning program in teacher education using mixed-methods research*. Paper presented at the 8th International Research Conference on Service-Learning and Community Engagement, New Orleans, LA.